



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

---

**PERUTUSAN**  
**YB. DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**  
**SEMPENA**  
**HARI RENJER SEDUNIA 2021**

---

Hari Renjer Sedunia disambut pada setiap 31 Julai setiap tahun bagi menghargai dan mengiktiraf peranan serta tanggungjawab yang dimainkan oleh renjer selaku pejuang belantara dalam memastikan sumber semula jadi dan biodiversiti negara dilindungi.

Renjer di negara ini berkhidmat di pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri malah terdapat juga sukarelawan di bawah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut memainkan fungsi berkenaan. Renjer adalah *frontliner*. Mereka sebagai benteng bagi membanteras pencerobohan untuk melindungi biodiversiti; jurucakap kepada flora dan fauna yang tidak dapat bersuara; serta guru bagi mendidik orang awam untuk mengenali dan menghargai biodiversiti.

Walaupun pandemik COVID-19 telah memasuki tahun kedua dan seluruh negara masih berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan, renjer di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan di Taman-taman Negeri, terus komited dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Tugas untuk melindungi hidupan liar, habitat semulajadi, menangani konflik manusia dan hidupan liar, menguruskan kawasan perlindungan, serta penguatkuasaan tetap dijalankan dengan penuh dedikasi. Ini jelas ditunjukkan dalam Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) di bawah *Biodiversity Protection and Patrolling Programme* (BP3).

Sepanjang tahun 2020, seramai 140 pesalah telah ditangkap melibatkan nilai sitaan berjumlah RM1.85 juta dan sebanyak 672 jerat dawai telah berjaya dimusnahkan. Pada 17 Februari 2021, OBK telah menerima Anugerah Penguatkuasaan Alam Sekitar Asia 2020 di Majlis *5<sup>th</sup> Asia Environmental Enforcement Awards* oleh *United Nations Environment Programme* (UNEP). Penganugerahan ini memberikan suntikan semangat kepada semua renjer yang telah banyak berkorban dalam memastikan khazanah negara terpelihara.

Bagi meningkatkan bilangan renjer, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah melantik Veteran Angkatan Tentera Malaysia (VAT) dan Orang Asli (OA) sebagai renjer hidupan liar di bawah program BP3. Sehingga Jun 2021, sejumlah 600 renjer telah dilantik.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada renjer di seluruh negara. Kerajaan akan terus mengiktiraf peranan renjer yang selama ini berkorban untuk mempertahankan sumber kekayaan dan khazanah semulajadi Negara kita.

**Selamat Menyambut Hari Renjer Sedunia Tahun 2021.**

**DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**31 JULAI 2021**